

kan semula. Sterilizer yang menggunakan air mudah didapati di pasaran.

atau

• Rendam alat-alat berke-nasan di dalam cecair pembunuh kuman seperti chlorhexidine atau lain-lain mengikut peraturan-peraturan bagi setiap jenama cecair pembunuh kuman tersebut. Selepas itu, alat-alat tersebut dapat digunakan semula.

- iii) Jangan cuba menguji jarum yang tajam pada kulit anda sendiri pada bila-bila masa.
- iv) Gunakan Vaseline atau jelly daripada tube dan bukan dari bekalang (jar) Sepukan bahan tersebut ke kulit pelanggan anda dengan menggunakan kain kasa atau spetula yang boleh dibuang dan jangan menggunakan jari anda untuk tujuan tersebut.
- v) Selepas mencacah, kulit tersebut mestilah dibalut dengan pembalut atau kain kasa yang telah disucihama.

MAKLUMAT AM

- ii) Luka pada tangan anda Balut luka pada tangan anda dengan pembalut luka yang kalis air seperti elastoplast atau lain-lain sebelum anda mula bekerja. Jika anda terluca semasa bekerja, biarkan darah mengalir di bawah air paip dan balut luka tangan dengan pembalut kalis air setelah pendarahan berhenti.

Jika kulit pelanggan anda terluca, kesat darah dengan kain kasa

yang bersih di dalam tong sampah. Elakkan diri anda dari tersentuh dengan darah atau kain kasa yang dikesat darah tadi.

Pastikan peralatan yang tercemar oleh darah anda/pelanggan anda disucihama terlebih dahulu sebelum digunakan semula.

- ii) Kulit berpenyakit (berkulid) Jangan menggunakan alat-alat yang tajam seperti jarum atau pisau pada bahagian kulit yang nyata berpenyakit kerana lanya mudah berdarah semasa anda membuat pencacahan.
- iii) Pembuangan alat-alat tajam Alat-alat yang tajam hendaklah diletakkan atau dibuang pada tempat yang selamat supaya tidak mencederakan pelanggan anda.
- iv) Amalan-amalan yang berbeza Anda hendaklah sentiasa membasuh tangan anda dengan air dan sabun selepas selesai menjalankan kerja anda. Sentiasa bersihkan persediaan kedai anda. Lantai hendaklah selalu dibersihkan dicuci dengan cecair antiseptik seperti Cresol, chloroxy lenol atau chlorhexidine, sekurang-kurangnya sekali sehari terutamanya pada tempat-tempat yang digunakan oleh pelanggan anda.

MAKLUMAT LANJUT

Jika anda perlukan nasihat seterusnya, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran dengan tempat anda.

Dibekalkan oleh Unit Pelajaran Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia - 400009

AIDS



GARIS PANDUAN UNTUK PENCACAH

KEJAHILAN PUNCA MAUT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
"Kami memertingkatkan Kesihatan anda"

AIDS - BAGAIMANA IA BERJANGKIT

AIDS adalah penyakit yang disebabkan oleh virus HIV di mana ia memusnahkan daya ketahanan badan seseorang untuk melawan jangkitan penyakit lain.

AIDS boleh berjangkit melalui tiga cara sahaja:

- i) melakukan perhubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti oleh virus HIV.
- ii) pemindahan darah yang mengandungi HIV daripada pesakit atau pembawa AIDS kepada seseorang lain.
- iii) daripada ibu yang telah dijangkiti virus HIV kepada anak yang di dalam kandungannya.

RISIKO AIDS DAN KAITANNYA DENGAN PEKERJAAN ANDA

Risiko jangkitan AIDS di dalam pekerjaan anda adalah tinggi. Sehingga ini, tiada seorangpun pernah diketahui mendapat jangkitan virus HIV melalui proses pencacahan (tattooing).

Bagaimanapun, pekerjaan anda mungkin melibatkan pemindahan darah daripada seseorang kepada seorang yang lain dengan cara yang tidak disengajakan.

Oleh itu, untuk kepentingan anda dan pelanggan anda peraturan yang selamat perlulah diikuti untuk mem-

pastikan supaya jangkitan penyakit termasuk AIDS tidak berlaku di dalam pekerjaan anda

PERATURAN-PERATURAN YANG PERLU DIKUTI



- i) **Peralatan Pakai-Buang**
Jika boleh, utamakan penggunaan alat-alat yang dipakai sekali sahaja seperti jarum pakai-buang (disposable), bekas pewarna dan lain-lain.

Jika menggunakan jarum, pisau atau lain-lain alat tajam berbilang-kali, ia mestilah dibersihkan daripada kuman sebelum digunakan kepada setiap pelanggan.

- ii) **Pembersihan Kuman**
Semua alat-alat yang digunakan seperti jarum, picagari dan penyepit logam hendaklah dibersihkan dari kekotoran dan disucihama selepas digunakan kepada setiap pelanggan.

Alat-alat yang tajam yang digunakan semasa pencacahan dan juga alat-alat lain yang tercemar oleh darah pelanggan hendaklah disucihama setiap kali sebelum digunakan kepada pelanggan.

Cara mensucihama adalah seperti berikut:

- a) **Autoklaf**
Ini adalah cara yang paling baik kerana ia amat berkesan membunuh semua jenis kuman serta mudah dan selamat digunakan.

b) **Cara lain**
Jika anda tidak dapat memiliki autoklaf seperti yang dicadangkan, maka salah satu cara berikut bolehlah diikuti.

- * Rebus atau wapkan alat-alat tersebut di dalam air yang mendidih selama 10 - 20 minit sebelum diguna-

